



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

MEI 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia memulih kepada 4.7 peratus pada Mei 2023, disokong oleh momentum positif kesemua sektor

PUTRAJAYA, 12 Julai 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia memulih kepada 4.7 peratus pada Mei 2023, disokong oleh momentum positif dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia, Mei 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, IPP kembali kepada pertumbuhan positif 4.7 peratus pada Mei 2023 berbanding negatif 3.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pengembangan pada Mei 2023 adalah didorong oleh peningkatan dalam kesemua sektor, terutamanya sektor Pembuatan yang mencatatkan 5.1 peratus (April 2023: -3.0%); Perlombongan dengan 2.9 peratus (April 2023: -4.9%); dan Elektrik dengan 5.0 peratus (April 2023: -2.0%). Berbanding bulan April 2023, IPP mengukuh kepada 7.3 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan negatif 10.8 peratus pada April 2023.

Kenaikan 5.1 peratus bagi sektor Pembuatan pada Mei 2023 dipacu oleh pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 10.1 peratus dalam industri berorientasikan domestik (April 2023: -2.1%) yang disokong oleh Pembuatan kenderaan bermotor, trailer & semi-trailer (16.4%); dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali jentera & peralatan (11.9%). Begitu juga, industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 2.8 peratus (April 2023: -3.5%) yang didorong oleh kenaikan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (13.0%); dan Pembuatan kok & petroleum bertapis (5.9%). Perbandingan bulan ke bulan, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan positif 7.0 peratus berbanding negatif 11.4 peratus pada April 2023.

Pengeluaran dalam sektor Perlombongan meningkat kepada 2.9 peratus pada Mei 2023 yang didorong oleh peningkatan dalam kedua-dua indeks Minyak mentah & Kondensat dan Gas Asli masing-masing sebanyak 0.6 peratus dan 4.5 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan berkembang 7.6 peratus berbanding penyusutan 10.7 peratus yang direkodkan pada bulan April 2023.

Pada masa yang sama, output Elektrik meningkat 5.0 peratus pada Mei 2023 selepas merekodkan negatif 2.0 peratus pada April 2023. Perbandingan bulan sebelumnya, indeks Elektrik tumbuh kukuh 10.1 peratus (April 2023: -4.8%).

Bagi lima bulan pertama 2023, IPP menyederhana kepada 2.0 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022 (Januari – Mei 2022: 4.1%). Pada tempoh tersebut, sektor Pembuatan berkembang 2.4 peratus, manakala sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing meningkat sedikit kepada 0.9 peratus dan 0.1 peratus.


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.


**Carta 1: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
Mei 2022 – Mei 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor,
April 2023 dan Mei 2023**




Carta 3: Prestasi Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Mei 2022 – Mei 2023



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, April 2023 dan Mei 2023



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan,
April 2023 dan Mei 2023**



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JULAI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
MAY 2023

Malaysia's Industrial Production Index rebounded to 4.7 per cent in May 2023, induced by positive momentum in all sectors

PUTRAJAYA, 12 July 2023 - Malaysia's Industrial Production Index rebounded to 4.7 per cent in May 2023, induced by positive momentum in all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, May 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Department of Statistics Malaysia, the IPI returned to positive growth of 4.7 per cent in May 2023 as against negative 3.3 per cent recorded in the previous month. The expansion in May 2023 was attributed by the increase in all sectors, predominantly by Manufacturing sector which registered 5.1 per cent (April 2023: -3.0%), Mining with 2.9 per cent (April 2023: -4.9%); and Electricity with 5.0 per cent (April 2023: -2.0%). As compared to April 2023, the IPI accelerated by 7.3 per cent after registering a negative growth of 10.8 per cent in April 2023.

The rise of 5.1 per cent in Manufacturing sector in May 2023 was propelled by the robust growth of 10.1 per cent in domestic-oriented industries (April 2023: -2.1%) which was backed by the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers (16.4%); and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (11.9%). Similarly, the export-oriented industries ascended by 2.8 per cent (April 2023: -3.5%) which was supported by the acceleration of the Manufacture of vegetable & animal oils & fats (13.0%); and Manufacture of coke & refined petroleum products (5.9%). A month-on-month comparison, the Manufacturing sector registered positive growth of 7.0 per cent as compared to negative 11.4 per cent in April 2023.

The output in the Mining sector improved to 2.9 per cent in May 2023, which was impelled by the increase in both Crude Oil & Condensate index and Natural Gas index by 0.6 per cent and 4.5 per cent respectively. In comparison with the preceding month, the Mining index expanded by 7.6 per cent as compared to a contraction of 10.7 per cent recorded in April 2023.

In the meantime, the Electricity output rose by 5.0 per cent in May 2023 after recording a negative 2.0 per cent in April 2023. As against the preceding month, the Electricity index strengthened to 10.1 per cent (April 2023: -4.8%).

For the first five months of 2023, the IPI moderated to 2.0 per cent as compared to the same period of 2022 (January - May 2022: 4.1%). During the period, the Manufacturing sector expanded by 2.4 per cent, while Mining and Electricity sectors rose slightly by 0.9 per cent and 0.1 per cent respectively.


DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of the Quarterly GDP.

**Chart 1: Performance of Industrial Production Index,
May 2022 – May 2023**



**Chart 2: Manufacturing Index Growth by Subsector,
April 2023 and May 2023**




Chart 3: Performance of Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, May 2022 – May 2023






Chart 4: Manufacturing Export-Oriented by Group, April 2023 and May 2023



**Chart 5: Manufacturing Domestic-Oriented by Group,
April 2023 and May 2023**



Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
12 JULY 2023**